

Headline	Dusun bandar yang kedua di KL		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Dec 2014	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	36	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	93 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 833
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,499



## Dusun bandar yang kedua di KL

**KUALA LUMPUR** - Selepas Jalan Bellamy, warga kota bakal mempunyai dusun bandar ke dua atas inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan serta pihak korporat.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, dengan keluasan 29.6 hektar, lebih 3,500 pokok buah-buahan ditanam di sebahagian kawasan Kolam Takungan Banjir Batu, dan dijangka mempunyai hasil dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Menurutnya, ia juga sebagai usaha mengekalkan kawasan itu sebagai kawasan tadah banjir dalam masa sama dapat dimanfaatkan ramai pihak.

"Sebanyak 25 syarikat telah menyumbang untuk program penanaman pokok dusun bandar ke dua ini melibatkan kos sebanyak

RM260,000, sebagai satu bentuk CSR mereka.

"Kita akan pastikan ianya dijaga dengan baik melalui jabatan landskap dan akan kerjasama dengan pihak Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (Frim) jika perlu," katanya selepas Program Penajaan dan Penanaman Pokok-pokok Buah-buahan oleh Pemaju Swasta, Korporat dan Pemaju, di Kolam Takungan Banjir Batu, Kepong.

Menurutnya, program itu diiktiraf Malaysia Books Of Record sempena penanaman lebih 3,500 pokok secara serentak melibatkan lebih 500 peserta.

"Kita akan tentukan kaedahnya untuk kemasukan warga kota apabila ia telah berbuah nanti. Di luar negara, mereka membuka dusun-dusun seperti ini untuk tempoh-tempoh tertentu membolehkan rakyat menikmati buah-buahan yang ditanam," katanya.